

The background of the cover is a photograph of several hands of different skin tones stacked on top of each other, holding a thick yellow ribbon. The hands are positioned in a way that suggests support and unity. The background is a light, geometric pattern of white and grey shapes.

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN

SESI 2023/2024

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

PROGRAM
SARJANA MUDA KAUNSELING
DENGAN KEPUJIAN



IKATA ALU-ALUAN DEKAN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Allhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi akademik 2023/2024 telah dapat disempurnakan. Buat masa ini Fakulti FPEPS menawarkan 6 program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Keujian, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Keujian, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Keujian, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Keujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Keujian dan Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian.

Fakulti amat mengalu-alukan kehadiran pelajar pada sesi akademik kali ini. Selamat datang dan tahniah kerana anda terpilih untuk menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu khususnya FPEPS. Kehidupan anda sebagai pelajar universiti telah bermula. Pelajar harus menghargai dan memanfaatkan peluang ini sebaik yang mungkin sepanjang 3 atau 4 tahun tempoh pengajian di UMT. Kami warga Fakulti akan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membantu anda membina kejayaan sebagai pelajar yang cemerlang di UMT.

Fakulti sentiasa komited dalam usaha pembangunan pelajar dan penawaran program pengajian yang berkualiti dan berdaya saing. Diantaranya FPEPS telah menawarkan dua program yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu program Sarjana Muda Perakaunan dengan Keujian yang mendapat pengiktirafan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW dan CPA Australia, dan program Sarjana Muda Kaunseling dengan Keujian yang diiktiraf oleh badan profesional Lembaga Kaunselor Malaysia.

Selain itu, majoriti tenaga pengajar Fakulti memegang kelulusan PhD dari pelbagai universiti di dalam dan luar negara. Fakulti juga telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan universiti luar negara menerusi program *outbound* dan *inbound mobility* seperti dengan Universiti Dongguk, Korea Selatan; Universitas Trisakti, Indonesia; Ocean Guongdong University, China; Universiti Malang, Indonesia dan banyak lagi. Pelajar turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa, kebangsaan mahupun yang dianjurkan oleh kelab pelajar melalui NREC, MAR'C, HISAAC, PEKA, TOURMAC dan POSESO sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda seharusnya peka dengan keperluan, peraturan dan syarat-syarat akademik yang terpakai di UMT supaya perjalanan pengajian anda di UMT lancar dan dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. UMT mengamalkan mod PdP secara bersemuka dan interaktif bersama pelajar. Oleh demikian, pelajar hendaklah sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk dapatkan nasihat dan bimbingan sekiranya menghadapi kesulitan dalam pelbagai situasi.

Akhir kata, diharapkan anda semua dapat merancang pengajian akademik dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya kita tekun berusaha dan sentiasa bersedia menempuh cabaran yang mendatang. Semoga usaha dan ikhtiar yang dilakukan ini akan sentiasa membuahkan hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Diharapkan agar pelajar dapat menggunakan sepenuhnya Buku Panduan ini sepanjang anda bergelar mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang pengajian masing-masing.

Selamat Maju Jaya. Terima kasih.

Profesor Dr. Suriyani binti Muhamad

Dekan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER I: SESI 2023/2024

TARIKH/ MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
1 – 7/10/2023	✓ PENDAFTARAN DAN KEMASUKAN KE KOLEJ KEDIAMAN ✓ MINGGU JALINAN MESRA	
8/10/2023 – 4/11/2023 [MINGGU 1 -4]	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	
5 – 25/11/2023 [MINGGU 5 – 7]	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	Hari Deepavali 12/11/2023 (Ahad)
26/11/2023 – 2/12/2023	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
3 – 9/12/2023 [MINGGU 8]	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
10 – 16/12/2023 [MINGGU 9]	KULIAH Semakan dan Pengesahan Kursus	
17/12/2023 – 13/1/2024 [MINGGU 10 – 13]	KULIAH	Hari Krismas 25/12/2023 (Isnin)
14 – 20/1/2024 [MINGGU 14]	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
21 – 27/1/2024	MINGGU ULANG KAJI	
28/1/2024 – 17/2/2024 [MINGGU 15 – 17]	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Atas Talian	Israj Mikraj 8/2/2024 (Khamis) Tahun Baru Cina 10 & 11/2/2024 (Sabtu & Ahad)
18/2/2024 – 16/3/2024	CUTI ANTARA SEMESTER	Hari Ulang tahun Pertabalan Kebawah DYMM Sultan Terengganu 4/3/2024 (Isnin)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

SEMESTER II: SESI 2023/2024

TARIKH/ MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
17/3/2024 – 13/4/2024 [MINGGU 1 - 4]	KULIAH ✓ Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) ✓ Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 ✓ Permohonan Tangguh Pengajian	Nuzul Al-Quran 28/3/2024 (Khamis) Hari Raya Aidilfitri 10 - 11/4/2024 (Rabu-Khamis)
14/4/2024 – 4/5/2024 [MINGGU 5 - 7]	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	Hari Keputeraan Sultan Terengganu 26/4/2024 (Jumaat) Hari Pekerja 1/5/2024 (Rabu)
5 - 11/5/2024	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
12 – 18/5/2024 [MINGGU 8]	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
19 – 25/5/2024 [MINGGU 9]	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	Hari Wesak 22/5/2024 (Rabu)
26/5/2024 – 22/6/2024 [MINGGU 10 – 13]	KULIAH	Hari Keputeraan YDP Agong 3/6/2024 (Isnin) Hari Arafah 16/6/2024 (Ahad) Hari Raya Aidiladha 17 - 18/6/2024 (Isnin-Selasa)
23 – 29/6/2024 [MINGGU 14]	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
30/6/2024 – 6/7/2024	MINGGU ULANG KAJI	
7 – 27/7/2024 [MINGGU 15 – 17]	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	Awal Muharam (Maal Hijrah) 7/7/2024 (Ahad)

SEMESTER III: SESI 2023/2024

TARIKH/ MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
28/7/2024 – 10/8/2024 [MINGGU 1 -2]	KULIAH ✓ Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) ✓ Permohonan Tangguh Pengajian	
11– 24/8/2024 [MINGGU 3 – 4]	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
25 – 31/8/2024 [MINGGU 5]	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	Hari Kebangsaan 31/8/2024 (Sabtu)
1 – 14/9/2024 [MINGGU 6 – 7]	KULIAH	Cuti Hari Kebangsaan 1/9/2024 (Ahad)
15 – 21/9/2024 [MINGGU 8]	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	Hari Malaysia & Maulidur Rasul 16/9/2024 (Isnin)
22 – 28/9/2024 [MINGGU 9]	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

I VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendukung misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang unggul dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkukuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan keserjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berasaskan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 6 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

PROGRAM	TEMPOH
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3 tahun

PASCA SISWAZAH

STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KURSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



MAKLUMAT AM

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan Akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED

Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	
65-69	B	3.00	Baik
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	
40-44	D	1.00	Lemah
39 atau kurang	F	0.00	Gagal


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilain Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67-4.00	Cemerlang	<i>Distinction</i>
2.00-3.66	Kepujian	<i>Honours</i>

I KEMUDAHAN MAKMAL



Makmal Komputer



Makmal Kaunseling

IRAKAN STRATEGIK

TAF Teaching accountancy Firm

SALIHIN
SHARIAH ADVISORY SDN BHD

ACCA Think Ahead

CPA
AUSTRALIA

CGSCIMB

RHB

PELABUHAN KUANTAN
MALAYSIA

mid

CPA
MALAYSIA

RAKAN STRATEGIK AKADEMIK

동국대학교
dongguk university

Telkom
University

UNIVERSITAS NEGERI
MANG
UM

UNIVERSITAS TRISAKTI

INCEIF
THE GLOBAL UNIVERSITY OF ISLAMIC FINANCE

Malaysian Consortium
for Education Mauritius

UNSYIAH
Universitas Syiah Kuala

universitas
MALIKUSSALEH

I TUGAS DAN PERANAN MENTOR

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketrampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

+ Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar

Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

+ Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar

Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

+ Memberi Motivasi Kepada Pelajar

Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

+ Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran

Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

+ Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif

Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktu pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

+ Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi

Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

+ Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti

Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti-aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.

+ Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik

Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

+ Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian

Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.

+ Merujuk Kepada Pakar

Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

PERATURAN PAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PERATURAN AM

- ✚ Setiap pelajar dikehendaki mempamerkan kad matrik sepanjang berada di dalam kampus.
- ✚ Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan ketidakharmonian di dalam kampus.
- ✚ Setiap pelajar dilarang mempamerkan dalam apa-apa bentuk, unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan tatasusila atau mengandungi reka bentuk perkataan atau frasa yang tidak selari dengan nilai atau norma yang mulia.
- ✚ Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau di mana-mana tempat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya yang tersendiri.



Contoh Penampilan Kad Matrik Pelajar


RAMBUT

- ✚ Pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
- ✚ Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang dan berekor di hadapan atau di belakang. Rambut hendaklah tidak mencecah kolar baju.
- ✚ Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah dilarang.
- ✚ Mewarnakan rambut adalah dilarang sama sekali



Contoh Penampilan Rambut Pelajar

PAKAIAN SEMASA BERADA DI DALAM KAMPUS DAN SEMASA MENGHADIRI ACARA RASMI



Contoh Penampilan Pakaian Pelajar

- ✦ Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
- ✦ Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkolar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lutut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
- ✦ Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah dilarang berpakaian sepertimana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-

- ❖ Berskirt di atas paras lutut
- ❖ Berbaju tanpa lengan
- ❖ Berseluar / berskirt ketat
- ❖ Berbaju T tanpa kolar lengan
- ❖ Berseluar jeans
- ❖ Berselipar

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- ✚ Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- ✚ Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepasi paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- ✚ Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- ✚ Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- ✚ Pelajar dilarang mempamerkan 'Tattoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI



I PENGURUSAN FAKULTI



DEKAN

Profesor Dr. Suriyani binti Muhamad



TIMBALAN DEKAN (AKADEMIK & HEP)

Profesor Madya Dr. Azwadi bin Ali



TIMBALAN DEKAN (SISWAZAH)

Profesor Madya Dr. Nik Hazimah
binti Nik Mat



TIMBALAN DEKAN (BAKAT & PENYELIDIKAN)

Profesor Madya Dr. Nazli bin Aziz



PENOLONG PENDAFTAR KANAN

Cik Wan Zawati binti Wan Jaafar



PENOLONG PENDAFTAR

Puan Nur Nadia binti Noley

| KETUA PROGRAM PENGAJIAN

PRA-SISWAZAH



KETUA PROGRAM
SARJANA MUDA KAUNSELING
DENGAN KEPUJIAN

Dr. Nor Ezdianie binti
Omar



KETUA PROGRAM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN

Profesor Madya Dr. Siti
Falindah binti Padlee



KETUA PROGRAM
SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM) DENGAN KEPUJIAN

Dr. Muhammad Najit bin
Sukemi



KETUA PROGRAM
SARJANA MUDA PERAKAUNAN
DENGAN KEPUJIAN

Dr. Wan Zuriati binti
Wan Zakaria



KETUA PROGRAM
SARJANA MUDA PEGURUSAN
(PENGAJIAN POLISI) DENGAN KEPUJIAN

Profesor Madya Dr.
Rosyidah binti Muhamad



KETUA PROGRAM
SARJANA MUDA PEGURUSAN
(PELANCONGAN) DENGAN KEPUJIAN

Dr. Yusnita binti Yusof

PASCA-SISWAZAH



PENGERUSI
BIDANG PENGURUSAN SARJANA
MBA

Dr. Noor Fadhiha binti
Mokhtar



PENGERUSI
BIDANG EKONOMI

Dr. Mohd Nasir bin
Nawawi



PENGERUSI
BIDANG KAUNSELING

Dr. Siti Salina binti
Abdullah



PENGERUSI
BIDANG PENGURUSAN SARJANA
ICZM

Dr. Aleff Omar Shah
bin Nordin

**PEGAWAI AKADEMIK
PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN**



Dr. Nor Ezdanie Omar
Ketua Program Sarjana Muda
Kaunseling dengan Kepujian
Ph.D (UTM),
M.Sc. (UPM),
B. Usul (UM)
Bidang : Kaunseling



Prof. Dr. Ruhani Mat Min
Pengajar Khas
Ph.D. (Leeds)
M.Sc. (UPM),
B.Ed. (UPM),
Bidang : Kaunseling



Prof Madya Dr Zakaria Mohamad
Pengajar Khas
Ph.D UKM
M.A UTM
B.Hsc.(Hons) (UPM)
Bidang: Bimbingan dan Kaunseling



Dr. Raba' Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusof
Ph.D. (QUT),
M.Sc (UPM),
Dip Lanjutan Syariah (KUSZA)
Bidang : Kaunseling



Dr. Mazidah Mohd Dagang
Ph.D. (UPM),
M. Sc. (UPM),
B. HSc. (UIAM)
Bidang : Kaunseling



Dr. Siti Salina Abdullah
Pengerusi Bidang Kaunseling (Sarjana Kaunseling)
D. Kaunseling (South Australia),
M.Sc. (UPM),
B.Ed. (UPM)
Bidang : Kaunseling



Prof Madya Dr. Madidah Mohd Shukri
Ph.D. (Leeds),
M.Sc. (UPM),
B.HSc. (UIAM)
Bidang : Psikologi



Y.M. Prof. Madya Dr. Raja Zirwatul Aida Raja Ibrahim
Ph.D. (Victoria),
M.Sc (Nottingham),
B.HSc (UIAM)
Bidang : Psikologi



Prof Madya Dr. Siti Nazilah Mat Ali
Ph.D (UKM),
M.A. (UKM),
B. IRKH (Hons) (UIAM)
Bidang : Psikologi



Dr. Zuhda Husain
Ph.D (USM),
M.A (UKM),
S.M. Kaunseling (UMT),
Dip. Pengajian Islam (KUSZA)
Bidang : Kaunseling



Dr. Jasmi Abu Talib
Ph.D (UKM),
M.A. (UKM),
S.M. Psikologi dan Komunikasi (UKM)
Bidang : Kaunseling



Dr. Kamarul Md. Shah
Ph.D (UKM),
M.Ed. (UM),
B.Ed. (UPM)
Bidang : Kaunseling



Dr. Nor Aizal Akmal Rohaizad
Ph.D Psikologi Pendidikan (UTM),
M.Ed Psikologi Pendidikan (UTM),
B.Ed Ekonomi (UUM)
Bidang : Psikologi



Dr. Fazliyaton Ramley
Ph.D (Victoria University, Melbourne),
M.A. (Western Michigan, USA),
B.Hsc. (Hons) (UIAM)
Bidang : Kaunseling / Psikologi



Dr. Suhaili Arifin
Ph.D UPM
M.Sc. UPM
B.Counseling (UMT)
Bidang:Kaunseling



Dr. Siti Balqis Md. Nor

Ph.D UM

M Sc. UPM

B. Counselling UMT

Bidang : Kaunseling



Dr. Hazaila Hassan

Ph.D (Bimbingan dan Kaunseling) UKM

M.A Kaunseling UKM

B. Counselling UMT

Bidang: Kaunseling



Dr. Mohd Radzi Tarmizi A. Halim

PhD (Psikologi) UKM

MSSc. Counseling Psychology (UKM)

Bac. of Psychology (UTM)

Bidang: Psikologi Abnormal/Kesihatan Mental



Cik Nurul Atiqah Ab Raji

M.Ed (UIAM),

B.Ed. (Hons) (UIAM)

Bidang : Kaunseling



Encik Mohd Radhi Abu Shahim

M.Ed. Psychology (UPSI),
S.M. Kaunseling (UMT),
DPLI. Guidance & Counselling (UIAM),
Diploma Psychology (KDH)
Bidang : Kaunseling



Puan Rozita Jayus

M. Ed (UTM),
B. Ed (Hons) (UPM)
Bidang : Kaunseling

PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Keahlian adalah bertujuan melahirkan kaunselor yang berkemampuan memberikan perkhidmatan kaunseling yang terbaik kepada ahli masyarakat yang memerlukan, merangkumi kaunseling individu, kelompok, pasangan, keluarga, bimbingan serta pelbagai lagi. Program Sarjana Muda Kaunseling ini menjadi satu landasan ke arah melahirkan kaunselor yang kompeten. Program ini telah dirancang mengikut kehendak Akta Kaunselor 1988. Kaunselor yang kompeten ditakrifkan sebagai kaunselor yang memenuhi syarat-syarat dalam latihan kaunselor profesional seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Perkembangan yang sihat ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menambah bilangan kaunselor terlatih sebagaimana yang diwartakan dalam Akta Kaunselor 1998.

Program ini memberi penekanan kepada kemahiran kaunseling dalam sesi individu dan kelompok. Penguasaan kemahiran kaunseling yang cekap membolehkan kaunselor melaksanakan perkhidmatan kaunseling dengan lebih baik dan seterusnya memberikan kesan terapeutik kepada klien. Perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan oleh kaunselor adalah berlandaskan prinsip etika dalam perkhidmatan menolong.

Syarat Kemasukan

Syarat Am Kemasukan Universiti

- i. Lulus SPM/ Setaraf dengan baik.
- ii. Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/ Setaraf.
- iii. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- iv. Lulus dalam peperiksaan STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C dalam Pengajian Am/Kertas Am, dan Gred C dalam dua (2) mata pelajaran lain.

Syarat Khas Program

- 1) **Bagi calon lepasan Diploma/ setaraf**, mendapat sekurang-kurangnya PNGK/ CGPA 2.70

Bagi calon lepasan STPM/ Matrikulasi/ Asasi:

- Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B- (2.67)** dalam mana-mana **DUA (2)** mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Malaysia/ Kesusasteraan Melayu/ Literature in English
 - Bahasa Cina/ Bahasa Tamil/ Bahasa Arab
 - Syariah/ Usuluddin
 - Sejarah
 - Geografi
 - Ekonomi
 - Pengajian Perniagaan/ Pengurusan Perniagaan
 - Perakaunan
 - Sains Sukan

- 2) Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (2.00)** pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut:
Matematik (M)

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:
Matematik

- 3) Mendapat sekurang-kurangnya **lulus (Gred E)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:
Bahasa Inggeris

DAN

- 4) Lulus Ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan.

B. Bagi calon lepasan Matrikulasi

1. Mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (2.67) pada peringkat Matrikulasi / Asasi dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut:-
- Mathematics
 - Physic / Physics

 - Ekonomi
 - Perakaunan
 - Pengurusan Perniagaan

DAN

2. Mendapat sekurang-kurangnya kepujian (Gred C) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:
- Matematik

DAN

3. Mendapat sekurang-kurangnya lulus (Gred E) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:
- Bahasa Inggeris

DAN

4. Lulus Ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan

C. Bagi calon lepasan Diploma/Setaraf dan calon lepasan STPM/Matrikulasi bukan tahun semasa

a. Bagi calon lepasan Diploma/Setaraf, mendapat sekurang-kurangnya PNGK/ CGPA 2.70 serta memenuhi perkara 2,3 dan 4 di bawah.

b. Bagi calon lepasan STPM/Matrikulasi bukan tahun semasa:

1. Mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (2.67) dalam mana-mana DUA

(2) mata pelajaran berikut :

- Bahasa Malaysia/Kesusasteraan Melayu/ Literature in English
- Bahasa Cina/ Bahasa Tamil/ Bahasa Arab
- Syariah / Usuluddin
- Sejarah
- Geografi
- Mathematics
- Ekonomi
- Pengajian Perniagaan/ Pengurusan Perniagaan
- Perakaunan
- Sains Sukan

2. Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana SATU (1) mata pelajaran berikut :

- Mathematics S / Mathematics (M)

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian (Gred C) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut :

- Matematik

3. Mendapat sekurang-kurangnya Lulus (Gred E) pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut :

- Bahasa Inggeris

DAN

4. Lulus Ujian Psikometrik dan Temuduga yang ditetapkan

Jumlah Kredit Untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah **138** jam kredit. Agihan kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	14
Teras Program	106	77
Elektif	12	9
Jumlah	138	100

Kurikulum Program

Kursus Teras Universiti (Pelajar Tempatan)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra Syarat
MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2	
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2	
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2	
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	
COM3112	Seni Komunikasi	2	
CCM3011	Santuni Komuniti	1	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	MUET Band 3 dan ke atas
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	
	Kokurikulum	2	
	JUMLAH	20	

Kursus Teras Universiti (Pelajar Antarabangsa)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra Syarat
COM3103	Human Communication	3	
MPU3132	Appreciation of Ethics & Civilisations	2	
MPU3352	Integrity and Anti-Corruption	2	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	
BBB3023	Public Speaking	3	
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	BBB3101 & BBB3102
	Kokurikulum	2	
	JUMLAH	18	

Kursus Teras Program

Kod	Nama Kursus	Kredit
COU3003	Tingkah Laku Bilazim	3
COU3004	Psikologi Kesihatan	3
COU3005	Psikologi Industri	3
COU3006	e-Kaunseling	3
COU3100	Pengantar Psikologi	3
COU3101	Pengantar Bimbingan dan Kaunseling	3
COU3102	Psikologi Perkembangan	3
COU3103	Personaliti Individu	3
COU3201	Teori Kaunseling Dan Psikoterapi	3
COU3203	Kaunseling Penyalahgunaan Bahan	3
COU3204	Kaunseling Personel	3
COU3205	Kemahiran Asas Kaunseling	4
COU3206	Makmal Individu I	3
COU3207	Kaunseling Individu	4
COU3300	Psikologi Sosial	3
COU3401	Makmal Kelompok I	3
COU3403	Kaunseling Kelompok	4
COU3500	Kaunseling Kerjaya	3
COU3600	Pengenalan Pengujian Psikologi	3
COU3701	Penyelidikan Kuantitatif	3
COU3702	Penyelidikan Kualitatif	3
COU4200	Kaunseling Keluarga	3
COU4206	Makmal Individu II	3
COU4300	Kaunseling Pelbagai Budaya	3
COU4301	Kesukarelawanan	3
COU4402	Makmal Kelompok II	3
COU4500	Maklumat Perkembangan Kerjaya	3
COU4600	Apraisal Dalam Kaunseling	3
COU4701	Perundingan Dalam Kaunseling	3
COU4800	Isu-Isu Etika Dan Perundangan Dalam Kaunseling	4
COU4992C	Internship	9
COU4993	Praktikum Kaunseling	3
Jumlah		106

Kursus Elektif Program

Kod	Nama Kursus	Kredit
COU4998	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	3
atau	atau	
COU3703	Projek Penyelidikan I	3
COU4999	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	3
atau	atau	
COU3704	Projek Penyelidikan II	3
	Elektif	3
	Elektif	3
	Jumlah	12

Objektif pendidikan program (Program Educational Objectives – PEO)

Program Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian akan menghasilkan kaunselor yang;

1. Berpengetahuan luas dan berkemahiran dalam mengendalikan sesi kaunseling selaras dengan keperluan komuniti.
2. Kompeten dalam kemahiran komunikasi efektif, mempunyai daya kepimpinan yang tinggi dalam pengurusan perkhidmatan kaunseling di organisasi dan mampu melaksanakan tugas secara individu dan berkumpulan dengan pelbagai peranan.
3. Berkemampuan untuk berfikir secara kritis dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan kaunseling secara beretika serta mempunyai data terkini berkaitan dengan isu yang berlaku dalam komuniti.
4. Berkeupayaan mengaplikasi kemahiran keusahawanan dalam pembelajaran secara berterusan menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian.

Hasil Pembelajaran Program

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

PLO1 – Pengetahuan

menguasai ilmu psikologi dan kaunseling secara teoritikal dan praktikal untuk membantu masyarakat.

PLO2 –Kemahiran teknikal/praktikal/psikomotor

Berupaya mengendalikan sesi kaunseling menggunakan pelbagai teknik untuk membantu klien menangani pelbagai isu.

PLO3 –Kemahiran berfikir dan saintifik

Berkebolehan berfikir secara kritis dan inovatif dalam merancang dan melaksanakan pelbagai strategi dalam proses menolong.

PLO4 – Kemahiran komunikasi

Berkebolehan mengaplikasikan kemahiran menolong melalui komunikasi yang efektif.

PLO5 – Kemahiran Interpersonal

Berupaya untuk bekerja dalam kumpulan dengan berkesan dan menjadi ahli yang bertanggung jawab dengan pelbagai peranan dan budaya.

PLO6 – Nilai, etika, moral dan profesionalisme

Mengamalkan sikap profesionalisme berpandukan piawaian dan etika Lembaga Kaunselor.

PLO7 – Kemahiran Personal

Menunjukkan kesediaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan berkebolehan untuk belajar secara individu dan berkumpulan melalui pelbagai kaedah.

PLO8 – Kemahiran keusahawanan

Berkebolehan mengenalpasti dan menguasai nilai-nilai keusahawanan dalam mempertingkatkan kompetensi diri dan pembangunan kerjaya masa depan

PLO9 – Kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab.

Berkebolehan mempamerkan sifat-sifat kepimpinan dan berpotensi sebagai ketua dalam pengendalian aktiviti berkumpulan.

PLO 10 – Kemahiran Digital

Mengurus dan mempertingkatkan ilmu kaunseling melalui aplikasi teknologi maklumat.

PLO 11 – Kemahiran Numerasi

Menggunakan data kuantitatif dan kualitatif dalam membantu untuk menambahbaik pengetahuan.

**SKEMA PROGRAM PENGAJIAN PELAJAR TEMPATAN
SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN
SESI 2023/2024**

SEMESTER 1				SEMESTER 2			
KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT	KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT
MPU3223	Asas Keusahawanan	3(3+0)		COU3103	Personaliti Individu	3(3+0)	
COU3100	Pengantar Psikologi	3(3+0)		COU3101	Pengantar Bimbingan dan Kaunseling	3(3+0)	
COU3102	Psikologi Perkembangan	3(3+0)		COU3203	Kaunseling Penyalahgunaan Bahan	3(3+0)	
COM3112	Seni Komunikasi	2(2+0)		COU3201	Teori Kaunseling dan Psikoterapi	3(3+0)	
CCM3011	Santuni Komuniti	1(0+1)		MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2(2+0)	
	Ko Kurikulum	2(0+2)		MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2(2+0)	
	Elektif	3(3+0)					
MPU3352	Integriti dan Antirasuah	2(2+0)					
Jumlah		19		Jumlah		16	
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)		COU3003	Tingkah Laku Bilazim	3(3+0)	
COU3004	Psikologi Kesihatan	3(3+0)		COU3500	Kaunseling Kerjaya	3(3+0)	
COU3205	Kemahiran Asas Kaunseling	4(4+0)		COU3403	Kaunseling Kelompok	4(4+0)	COU3205, COU3206
COU3206	Makmal Individu I	3(0+3)		COU3401	Makmal Kelompok I	3(0+3)	COU3206
COU4500	Maklumat Perkembangan Kerjaya	3(3+0)		COU3701	Penyelidikan Kuantitatif	3(3+0)	
COU4300	Kaunseling Pelbagai Budaya	3(3+0)			Elektif	3(3+0)	
Jumlah		19		Jumlah		19	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
COU4200	Kaunseling Keluarga	3(3+0)		COU3005	Psikologi Industri	3(3+0)	

COU4800	Isu-isu Etika & Perundangan dalam Kaunseling	4(4+0)		COU3204	Kaunseling Personel	3(3+0)	
COU4600	Appraisal dalam Kaunseling	3(3+0)		COU3300	Psikologi Sosial	3(3+0)	
COU3600	Pengenalan Pengujian Psikologi	3(3+0)		COU3207	Kaunseling Individu	4(4+0)	COU3205, COU3206
COU4402	Makmal Kelompok II	3(0+3)	COU3403, COU3401	COU4206	Makmal Individu II	3(0+3)	COU3206
COU3702	Penyelidikan Kualitatif	3(3+0)		COU4998	PITA I	3(0+3)	
					ATAU		
				COU3703	Projek Penyelidikan I	3(3+0)	
	Jumlah	19			Jumlah	19	
SEMESTER 7				SEMESTER 8			
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)		COU4992C	Internship	9(0+9)	Semua kursus
COU4701	Perundingan Dalam Kaunseling	3(3+0)					Teras program
COU4999	PITA II	3(0+3)					
	ATAU						
COU3704	Projek Penyelidikan II	3(3+0)					
COU4301	Kesukarelawanan	3(3+0)					
COU3006	e-Kaunseling	3(3+0)					
COU4993	Praktikum Kaunseling	3(0+3)	COU3102 COU3201 COU3207 COU4206 COU3403 COU4402 COU4500				
	Jumlah	18			Jumlah	9	
JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 138							

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit elektif** yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan kursus elektif** yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

**INTERNATIONAL STUDENT COURSE SCHEME
BACHELOR OF COUNSELLING WITH HONOURS
SESSION 2023/2024**

SEMESTER 1				SEMESTER 2			
KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT	KOD	KURSUS	JAM KREDIT	PRA SYARAT
BBB3013	Academic Writing Skills	3(3+0)		COU3103	Individual Personality	3(3+0)	
COU3100	Introduction to Psychology	3(3+0)		COU3101	Introduction to Guidance and Counselling	3(3+0)	
COU3102	Developmental Psychology	3(3+0)		COU3203	Substance Abuse Counselling	3(3+0)	
COM3013	Human Communication	3(3+0)		COU3201	Theory of Counselling and Psychotherapy	3(3+0)	
	Elective	2(0+2)		MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilizations	2(2+0)	
	Elective	3(3+0)		CCXXXXX	Co-curriculum	2(0+2)	
MPU3352	Integrity and Anti-Corruption	2(2+0)					
Jumlah		19		Jumlah		16	
SEMESTER 3			SEMESTER 4				
BBB3023	Public Speaking	3(3+0)		COU3003	Abnormal Behavior	3(3+0)	
COU3004	Health Psychology	3(3+0)		COU3500	Career Counselling	3(3+0)	
COU3205	Basic Counselling Skills	4(4+0)		COU3403	Group Counselling	4(4+0)	COU3205, COU3206
COU3206	Individual Lab I	3(0+3)		COU3401	Group Counselling Lab I	3(0+3)	COU3206
COU4500	Career Development and Information	3(3+0)		COU3701	Quantitative Research	3(3+0)	
COU4300	Multicultural Counselling	3(3+0)			Elective	3(3+0)	
Jumlah		19		Jumlah		19	
SEMESTER 5			SEMESTER 6				

COU4200	Family Counselling	3(3+0)		COU3005	Industrial Psychology	3(3+0)	
COU4800	Ethical and Legal Issues in Counselling	4(4+0)		COU3204	Personnel Counselling	3(3+0)	
COU4600	Appraisal in Counselling	3(3+0)		COU3300	Social Psychology	3(3+0)	
COU3600	Introduction to Psychological Testing	3(3+0)		COU3207	Individual Counselling	4(4+0)	COU3205, COU3206
COU4402	Group Counselling Lab II	3(0+3)	COU3403, COU3401	COU4206	Individual Lab II	3(0+3)	COU3206
COU3702	Qualitative Research	3(3+0)		COU4998	Final Year Project I	3(0+3)	
					OR		
				COU3703	Research Project I	3(3+0)	
	Jumlah	19			Jumlah	19	
SEMESTER 7				SEMESTER 8			
BBB3033	English for Occupational Purposes	3(3+0)		COU4992C	Internship	9(0+9)	All programme core courses
COU4701	Consultation in Counselling	3(3+0)					
COU4999	Final Year Project II	3(0+3)					
	OR						
COU3704	Research Project II	3(3+0)					
COU4301	Volunteerism	3(3+0)					
COU3006	e-Counselling	3(3+0)					
COU4993	Counselling Practicum	3(0+3)	COU3102, COU3201, COU3207, COU4206, COU3403, COU4402, COU4500				
	Jumlah	18			Jumlah	9	
JUMLAH KREDIT BERGRADUAT 138							

Notes:

1. **Students are required to undertake the Survival and Water Safety Program as a condition to graduate.**
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the number of elective credit hours set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the number of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.

SINOPSIS

Teras Program

COU3003 Tingkah Laku Bilazim

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan tentang pengenalan, teori-teori, konsep-konsep asas tingkah laku bilazim dan jenis-jenis neurosis dan psikosis. Kursus ini juga memberi pendedahan tentang diagnosis dan kaedah rawatan ke atas kecelaruan psikologi.

COU3004 Psikologi Kesihatan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan tentang pengenalan asas kepada bidang psikologi kesihatan, sejarah dan perkaitan di antara psikologi kesihatan dengan bidang-bidang lain. Ia juga membincangkan tentang stres, penyakit, pengukuran, kesan terhadap minda dan tubuh, faktor-faktor seperti adaptasi, sokongan sosial yang boleh membantu menangani stres.

COU3005 Psikologi Industri

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Perbincangan tentang isu-isu yang berkait dengan tingkah laku manusia dalam konteks perkembangan industri, teori-teori psikologi dalam industri dan metodologi yang digunakan untuk meningkatkan produktiviti.

COU3006 e-Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai definisi, konsep, bentuk dan jenis perkhidmatan kaunseling atas talian serta isu-isu etika yang berkaitan.

COU3100 Pengantar Psikologi

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kursus asas dalam bidang psikologi yang dapat dijadikan rujukan untuk memahami tingkah laku manusia. Pelbagai topik dalam kursus ini melibatkan psikologi sebagai satu sains, biopsikologi, kederiaan dan persepsi, kesedaran, pembelajaran, ingatan, kognisi, motivasi dan emosi, tekanan, psikologi kesihatan, kecelaruan psikologi, psikologi sosial dan industri.

COU3101 Pengantar Bimbingan dan Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan latar belakang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sejarah perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kepentingan perkhidmatan menolong, pendekatan dan proses bimbingan dan kaunseling. Di akhir kursus pelajar akan dapat mengetahui

falsafah dan konsep perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

COU3102 Psikologi Perkembangan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menekankan pemahaman tentang perkembangan manusia, teori dan kajian dalam bidang ini serta perkembangan biologi, psikomotor, kognitif, emosi, personaliti dan sosial bermula daripada proses kejadian manusia hingga kepada kematian.

COU3103 Personaliti Individu

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus membincangkan konsep personaliti, pendapat tokoh psikologi mengenai personaliti, jenis-jenis personaliti, faktor yang mempengaruhi bentuk personaliti, menangani masalah personaliti dan cara-cara meningkatkan keberkesanan personaliti individu dalam masyarakat.

COU3201 Teori Kaunseling Dan Psikoterapi

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membuat sorotan tentang teori kaunseling dan psikoterapi dari pelbagai pendekatan. Ia juga akan melihat perkaitannya dengan amalan kaunseling.

COU3203 Kaunseling Penyalahgunaan Bahan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada jenis-jenis dadah yang biasa digunakan, teori psikologi, sosial dan biologi dalam ketagihan, program pencegahan dan pemulihan dadah, perkhidmatan kaunseling dan teknik mengendali penagih. Kursus ini bermula dengan penerangan mengenai definisi, konsep penyalahgunaan bahan, isu berkaitan dengan penagihan serta faktor-faktor yang menyumbang kepada tingkah laku penagihan.

COU3204 Kaunseling Personel

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada kumpulan pekerja, nilai-nilai pekerja, pendekatan, kaedah kaunseling dan strategi meningkatkan motivasi dalam pengurusan organisasi.

COU3205 Kemahiran Asas Kaunseling

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada kemahiran asas kaunseling yang memfokuskan kepada kemahiran melayan dan kemahiran mendengar. Proses ini membantu membentuk pelajar menjadi kaunselor yang efektif.

COU3206 Makmal Individu I

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memberi pengalaman simulasi kemahiran asas kaunseling yang memfokuskan kepada kemahiran melayan dan kemahiran mendengar. Penguasaan kemahiran asas kaunseling ini menjadikan pelajar berupaya mengintegrasikan dan mengaplikasikannya semasa mengendalikan sesi kaunseling. Proses ini membantu membentuk pelajar menjadi kaunselor yang efektif.

COU3207 Kaunseling Individu

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : COU3205, COU3206

Kursus ini memberi pemahaman berkaitan dengan proses menolong dan teori kaunseling berserta kemahiran dalam proses kaunseling. Melibatkan pemahaman pelbagai teori dan teknik dengan menitikberatkan peranan kaunselor berlandaskan prinsip etika.

COU3300 Psikologi Sosial

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan tentang konsep-konsep asas dalam bidang psikologi sosial. Antara topik-topik utama adalah seperti persepsi sosial, sikap, prejudis, tarikan interpersonal, hubungan rapat, pengaruh sosial, tingkah laku prososial, agresif dan kumpulan.

COU3401 Makmal Kelompok I

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3206

Kursus ini membincangkan tentang konsep kelompok, fungsi kelompok, jenis-jenis kelompok kaunseling, matlamat kaunseling kelompok, kepimpinan dan perkembangan, serta pengendalian kaunseling kelompok.

COU3403 Kaunseling Kelompok

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : COU3205, COU3206

Kursus ini membincangkan tentang konsep kelompok, fungsi kelompok, jenis-jenis kelompok kaunseling, matlamat kaunseling kelompok, kepimpinan dan perkembangan, serta pengendalian kaunseling kelompok.

COU3500 Kaunseling Kerjaya

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep Teori Kerjaya, model, kaedah dan proses dalam kaunseling kerjaya, pendidikan kerjaya serta isu-isu yang berkaitan dengan kerjaya.

COU3600 Pengenalan Pengujian Psikologi

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang prinsip-prinsip pengukuran yang standard di dalam psikologi. Aspek-aspek kebolehpercayaan, kesahan, proses pembentukan instrumen serta memperkenalkan instrumen kecerdasan, personaliti dan lain-lain.

COU3701 Penyelidikan Kuantitatif

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep dan falsafah penyelidikan dalam psikologi dan kaunseling. Pembentukan masalah kajian, objektif, hipotesis dan kajian literatur. Penggunaan kaedah deskriptif, kajian tinjauan, dan teknik eksperimen. Instrumentasi kajian, analisis data dan pelaporan.

COU3702 Penyelidikan Kualitatif

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan tentang penyelidikan kualitatif, memahami pendekatan dalam penyelidikan kualitatif dan pelbagai pendekatan di dalam pengumpulan data dan membuat laporan berasaskan data yang dikumpul.

COU4200 Kaunseling Keluarga

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep dinamika keluarga, teori keluarga, prinsip dan teknik kaunseling keluarga, penilaian masalah keluarga dan strategi menanganinya serta implikasi kepada kesejahteraan hidup berkeluarga. Di akhir kursus pelajar akan dapat mengetahui teknik, strategi kaunseling keluarga beserta dengan aplikasi teori dalam kehidupan sebenar.

COU4206 Makmal Individu II

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3206

Kursus ini menekankan proses dan aplikasi teori dalam menjalankan sesi kaunseling secara individu.

COU4300 Kaunseling Pelbagai Budaya

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan mengenai kepelbagaian, cabaran dan isu budaya klien yang ada dalam masyarakat termasuklah golongan minoriti. Disamping itu juga, pelajar akan dapat mengetahui aspek penting dalam usaha menjadi kaunselor pelbagai budaya yang cekap dan efektif berlandaskan etika kaunseling.

COU4301 Kesukarelawanan

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang konsep kesukarelawanan. Membantu pelajar untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan, minat ingin tahu yang mendalam dan tanggung jawab sosial dalam komuniti.

COU4402 Makmal Kelompok II

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3403, COU3401

Kursus ini melibatkan aplikasi pelbagai teori dan teknik dalam pengendalian kaunseling kelompok.

COU4500 Maklumat Perkembangan Kerjaya

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan tentang konsep perkembangan kerjaya, tatacara mengumpul, menilai serta menyebarkan maklumat kerjaya dan faktor- faktor yang mempengaruhi perkembangan kerjaya.

COU4600 Appraisal Dalam Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Peranan dan fungsi penilaian; pemilihan alat pengujian prosedur pentadbiran, pemarkatan dan pentafsiran ujian psikologi; terapan hasil pentafsiran; jenis alat pengujian psikologi yang digunakan dalam bimbingan dan kaunseling; serta isu dan etika dalam penilaian.

COU4701 Perundingan Dalam Kaunseling

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada konsep asas perundingan, komponen kemahiran dalam perundingan dan pelbagai pendekatan atau model yang digunakan dalam proses perundingan. Kecekapan kaunselor dalam proses rundingcara organisasi dan mengamalkan etika kaunseling dalam perundingan. Kursus ini bermula dengan penerangan mengenai sejarah perkembangan perundingan, maksud perundingan, sifat konsultan berkesan, kemahiran-kemahiran dalam perundingan, isu-isu perundingan dalam kaunseling, penerokaan peringkat dan model utama perundingan dan diakhiri dengan pelajar akan melaksanakan program rundingcara dalam organisasi yang dipilih disamping menerapkan teori dalam pembentangan kes.

COU4800 Isu-Isu Etika dan Perundangan Kaunseling

Jam Kredit : 4(4+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada etika dan perundangan dalam perkhidmatan kaunseling. Identiti profesional kaunselor, amalan beretika, kecekapan budaya, keadilan sosial, hak klien, tanggungjawab kaunselor akan dibincangkan. Kerahsiaan dan komunikasi istimewa, kecekapan serta salah amalan kaunselor dan sempadan perhubungan kaunselor klien juga dibincangkan.

COU4992C Internship

Jam Kredit : 9(0+9)

Prasyarat : Semua Kursus Teras Program

Internship ialah pengalaman klinikal pasca praktikum yang diselia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar menghalusi, meningkat dan memantapkan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran kaunseling di tempat latihan professional. Latihan internship dilaksanakan di premis dimana perkhidmatan kaunseling professional dijalankan.

COU4993 Praktikum Kaunseling

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : COU3102, COU3201, COU3207, COU4206, COU3403, COU4402, COU4500

Praktikum merupakan pengalaman klinikal yang disedia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan professional semasa pengajian.

COU4998 Projek Ilmiah Tahun Akhir I (PITA I)

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai kemahiran melaksanakan penyelidikan, menyediakan dan melaporkan satu kertas cadangan penyelidikan dalam bidang sains sosial.

COU4999 Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA II)

Jam Kredit : 3(0+3)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai kemahiran melaksanakan penyelidikan, menyediakan dan melaporkan satu kertas cadangan penyelidikan dalam bidang sains sosial.

COU3703 Projek Penyelidikan I

Jam Kredit : 3(3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi fokus kepada pelajar untuk menguasai kemahiran melaksanakan penyelidikan dan menyediakan cadangan penyelidikan dalam bidang psikologi atau kaunseling.

COU3704 Projek Penyelidikan II

Jam Kredit : 3(3+0)


Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberi fokus kepada pelajar untuk menguasai kemahiran melaksanakan penyelidikan dan menyediakan laporan penyelidikan dalam bidang psikologi atau kaunseling.

**SENARAI NAMA PENSYARAH
PROGRAM SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN**

BIL	NAMA	JAWATAN	EMEL	TALIAN (09-668XXXX)
1	Dr. Nor Ezdianie Omar	Ketua Program / Pensyarah Universiti	ezdianie@umt.edu.my	09-668 3118 /09-6684198
2	Dr. Siti Salina Abdullah	Pengerusi Bidang Kaunseling (Sarjana Kaunseling) Pensyarah Universiti	ctsalina@umt.edu.my	3743
3	Prof. Datin Dr. Ruhani Mat Min	Pengajar Khas	ruhani@umt.edu.my	3910
4	Prof Madya Dr. Zakaria bin Mohamad	Pengajar Khas	zek@umt.edu.my	3791
5	Prof Madya Dr. Madihah Mohamad Shukri	Pensyarah Universiti	madihah@umt.edu.my	3847
6	Prof. Madya Dr. Raja Zirwatul Aida Raja Ibrahim	Pensyarah Universiti	zirwatul@umt.edu.my	3864
7	Prof Madya Dr. Siti Nazilah Mat Ali	Pensyarah Universiti	nazilah@umt.edu.my	3174
8	Dr. Raba'Aton Adawiah @ Robiah Mohd Yusof	Pensyarah Universiti	adawiahyusof@umt.edu.my	3756
9	Dr. Mazidah Mohd Dagang	Pensyarah Universiti	mazidah@umt.edu.my	3755
10	Dr. Zuhda Husain	Pensyarah Universiti	zuhda@umt.edu.my	3279
11	Dr. Jasmi Abu Talib	Pensyarah Universiti	jasbatrisyia2@umt.edu.my	3119
12	Dr. Kamarul Md. Shah	Pensyarah Universiti	kamarul.shah@umt.edu.my	3323
13	Dr. Nor Aizal Akmal Rohaizad	Pensyarah Universiti	aizal@umt.edu.my	3276
14	Dr. Fazliyaton Binti Ramley	Pensyarah Universiti	fazliyaton@umt.edu. my	4523
15	Dr Suhaili Arifin	Pensyarah Universiti	suhaili@umt.edu.my	3960
16	Dr. Siti Balqis Md Nor	Pensyarah Universiti	sitibalqis@umt.edu.my	3297
17	Dr. Hazaila Hassan	Pensyarah Universiti	hazaila@umt.edu.my	3814
18	Dr. Mohd Radzi Tarmizi A. Halim	Pensyarah Universiti	mohd.radzitarmizi@umt.edu.my	3164
19	Cik Nurul Atiqah Ab Raji	Pensyarah Universiti	atiqahraji@umt.edu.my	4952
20	En. Mohd Radhi Abu Shahim (Cuti Belajar)	Pensyarah Universiti	m.radhi@umt.edu.my	

21	Pn. Rozita Jayus (Cuti Belajar)	Pensyarah Universiti	rozitaj@umt.edu.my	
----	---------------------------------	----------------------	--------------------	--



**Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu**

21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia



+609 668 4149



fbesd@umt.edu.my



fbesd.umt.edu.my



www.facebook.com/OfficialFBESD